

KEDUDUKAN TAKLIF DALAM PERLAKSANAAN IBADAT BAGI OKU MASALAH PEMBELAJARAN, PELBAGAI DAN MENTAL

The Position of Taklif in The Performance of Worship For The Disabled With Learning, Miscellaneous And Mental Problems

Syed Shahridzan Syed Mohamed^{1a*}

^aPejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Blok D, Aras 5, Kompleks Islam Putrajaya
 62100 Putrajaya, MALAYSIA
 E-mel: syedshahridzan@muftiwp.gov.my

*Corresponding Author: syedshahridzan@muftiwp.gov.my

Received: 5 August 2022

Accepted: 29 August 2022

Published: 15 September 2022

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no4.467>

Abstrak	Abstract
<p>Setiap perbuatan dan tindak tanduk manusia terikat dengan peraturan-peraturan Allah SWT yang diperincikan melalui hukum hakam taklif. Seseorang itu diletakkan dalam kewajipan melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya berdasarkan syarat-syarat taklif yang telah ditetapkan. Namun terdapat golongan yang dikecualikan dari ketentuan taklif atas sebab kekurangan upaya dari sudut mental dan seumpamanya. Oleh yang demikian, kajian ini membahaskan sejauh mana praktik hukum taklif ibadat ke atas golongan kurang upaya dalam kategori masalah pembelajaran, pelbagai dan mental. Kajian ini akan menspesifikasi antara golongan orang kurang upaya yang masih terikat dengan konsep taklif syarie atau tergugur dari tanggungjawab ini.</p>	<p>Every human deed and action are bound by the rules of Allah SWT which are detailed through the law of hakam taklif. A person is placed in the duty of carrying out Allah's commands and abandoning His prohibitions based on the conditions of taklif that have been set. However, some are exempted from the provision of taklif due to mental disability and the like. Therefore, this study discusses the extent of the practice of the law of taklif worship on people with disabilities in the category of learning, multiple and mental problems. This study will specify among the people with disabilities who are still bound by the concept of taklif syarie or dropped from this responsibility.</p>
<p>Kata kunci: Taklif, OKU, Ibadat, Masalah Pembelajaran, Mukalaf, Mental</p>	<p>Keywords: Taklif, OKU, Ibadat, Learning Diablelitis, Mukalaf, Mental.</p>

1. PENGENALAN

Allah SWT memuliakan umat manusia dengan meletakkan tanggungjawab kepimpinan dunia di bahu mereka untuk membawa kemakmuran di muka bumi Allah dengan berpandukan risalah dan syariat-Nya. Selain itu, manusia dikurniakan akal fikiran untuk membezakan antara baik dan buruk dalam kehidupan mereka, sekali gus dapat mentadbir bumi ini dengan jalan keadilan dan ketakwaan. Akal boleh dikatakan sebagai nikmat yang tertinggi yang Allah kurniakan manusia yang mana ia menjadi paksi hukum taklif sebagai punca kuasa perlaksanaan tanggungjawab menurut syariat. Namun begitu, hukum akal bukanlah kuasa mutlak manusia untuk dijadikan neraca timbang dan tara yang utama, bahkan ia perlu dipandu dan dibimbing oleh wahyu Allah dan Sunnah Rasul-Nya.

Dalam surah al-Dhāriyāt (al-Quran, 51: 56), Allah SWT menjelaskan bahawa tujuan jin dan manusia ini dicipta untuk mengabdikan diri mereka kepada-Nya. Firman Allah SWT:

وَمَا حَكَفْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”

Dalam makna yang lebih khusus bahawa tanggungjawab ibadat ini tertakluk kepada taklif yang disyaratkan sebagai penentu aras ganjaran pahala atau dosa bagi setiap perbuatan itu (al-Qurtubi, 1964).

Walaubagaimanapun, umat manusia dicipta dengan kepelbagaiannya kemampuan sama ada dari sudut fizikal mahupun mental. Hal ini sama seperti Allah mencipta mereka yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan warna kulit untuk saling kenal mengenali dan memahami antara satu sama lain (al-Sya'rawi, 1997). Hal ini bertepatan dengan firman Allah di dalam surah al-Hujarāt, ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَرَّ وَأَنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُورًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ
عِنْدَ اللَّهِ أَنْقَاصُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ

Maksudnya: “Wahai manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling

kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling takwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal”.

Terdapat sebahagian manusia yang diuji dengan kekurangan diri yang menyebabkan mereka memiliki kemampuan yang terhad seperti kecacatan mental, penglihatan, pendengaran, pertuturan dan fizikal. Namun begitu, sebahagian golongan ini sama sekali tidak tergugur dari taklif ibadat dan mereka juga dituntut agar mengerjakan ibadat berdasarkan kemampuan mereka (Azab, 2015). Islam adalah agama yang berdiri atas syariat yang mudah untuk diamalkan lebih-lebih lagi untuk golongan orang kurang upaya (OKU) sebagai tanda kasih sayang Allah SWT terhadap hamba-Nya dan membuktikan bahawa syariat amat menitik beratkan kebaikan ibadat mereka (Azab, 2015). Justeru, hukum taklif ke atas golongan OKU sudah pasti tidak sama dengan golongan normal dari sudut perlaksanaan dan hukum-hukum tertentu. Perkara ini berpandukan sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Ali bin Abu Talib RA yang berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

رُفِعَ الْقَلْمُ عَنْ ثَلَاثَةِ: عَنِ الْجَنُونِ الْمُغْلُوبِ عَلَىٰ عَقْلِهِ، وَعَنِ النَّائِمِ حَتَّىٰ يَسْتِيقْظَ، وَعَنِ الصَّبَّيِّ حَتَّىٰ يَحْتَلِمُ.

Maksudnya: “Pena (pencatat amal) diangkat dari tiga golongan, iaitu orang gila yang hilang akal warasnya, orang yang tidur sehingga dia sedar, anak kecil sehingga dia baligh.”

(Abu Daud, 2009)

Berdasarkan kepelbagaiannya ini, Allah memperlihatkan kepada hamba-hambanya hakikat *sunnatullah* atas kejadian dan fitrah manusia yang memerlukan antara satu sama lain dan saling lengkap melengkapi keperluan bersama. Meskipun golongan OKU ditakdirkan wujud kekurangan pada tahap keupayaan mereka sama ada mental atau fizikal, namun mereka memiliki kelebihan dan keistimewaan tersendiri. Selain itu, hikmah kewujudan golongan OKU merupakan satu ujian kepada manusia dalam mendepani dan menyantuni golongan OKU yang jelas amat memerlukan bantuan bagi membolehkan mereka hidup sesempurna mungkin di dunia ini.

Dalam skop ibadat golongan ini juga memerlukan satu standard khusus yang memudahkan mereka dalam urusan ini seperti mana proses menjalani kehidupan sehari-hari. Oleh yang demikian, perlu ada satu piawaian yang jelas dari sudut perbahasan ilmu fiqh dan juga kaedah usul yang sesuai dengan kedudukan mereka yang istimewa.

2. GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Golongan OKU biasa dirujuk sebagai individu atau anak istimewa, anak syurga, orang cacat, kurang upaya, kelainan upaya, dan keperluan khas (Ab Rahman, 2018). Di Malaysia, definisi Orang Kurang Upaya (OKU) adalah seseorang yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat (Omar, 2021).

Penggunaan Istilah OKU telah melalui beberapa perubahan yang mana pada asalnya ia merujuk kepada ‘Orang Kurang Upaya’. Ternyata terma ini tidak dirasakan selesa oleh sebahagian pihak, kerana perkataan ‘kurang’ di sini dianggap konotasi yang kurang baik. Bahkan terma ini boleh mengundang ketidakselesaan golongan ini kerana menggambarkan sesuatu yang negatif, sedangkan golongan OKU memiliki keupayaan yang istimewa (Ab Rahman et al, 2021). Oleh yang demikian, definisi OKU telah ditukar kepada istilah ‘Orang Kelainan Upaya’ yang mana istilah ini dilihat lebih dilihat positif berbanding penggunaan istilah orang cacat atau Orang Kurang Upaya (Ab Rahman, 2018).

Menurut Ariffin (2006), OKU juga dinyatakan sebagai seseorang yang memerlukan perkhidmatan istimewa bagi membolehkan mereka hidup berdikari dalam komuniti kerana faktor kekurangan upaya mereka. Selain itu, OKU juga diklasifikasikan kepada beberapa kategori mengikut jenis ketidakupayaan yang dihadapi oleh OKU tersebut (Ab Rahman et al, 2021). Di Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengklasifikasikan golongan OKU kepada 7 golongan berikut (JKM):

Jadual 1. Kategori Orang Kurang Upaya (OKU)

No.	Kategori	Penerangan
1	Kurang Upaya Pendengaran	Tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran.
2	Kurang Upaya Penglihatan	Tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mana atau kanta sentuh.
3	Kurang Upaya Fizikal	Ketidakupayaan anggota badang sama ada kehilangan atau tiada suatu anggota atau ketidakupayaan di manapun bahagian badan yang mengalami keadaan seperti hemiplegia, paraplegia dan kelemahan otot-otot yang mengakibatkan mereka tidak dapat melakukan aktiviti

		atas seperti penjagaan diri, pergerakan dan pertukaran posisi tubuh badan.
4	Kurang Upaya Fizikal	Tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna dan tidak boleh difahami oleh mereka yang berinteraksi dengannya. Keadaan ini akan kekal atau tidak akan sembah.
5	Kurang Upaya Pertuturan	Masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikal. Mereka tergolong dalam kategori ini adalah lewat perkembangan global, <i>Sindrom Down</i> , dan kurang upaya intelektual. Kategori ini juga merangkumi keadaan yang menjelaskan kemampuan pembelajaran individu seperti <i>Autisme</i> , <i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)</i> dan masalah pembelajaran spesifik seperti <i>Dyslexia</i> , <i>Dyscalculia</i> dan <i>Dysgraphia</i> .
6	Kurang Upaya Mental	Keadaan penyakit mental yang teruk yang telah diberi rawatan atau telah diberi diagnosis selama sekurang-kurangnya dua (2) tahun oleh Pakar Psikiatri. Akibat daripada penyakit yang dialami dan telah menjalani rawatan psikiatri, mereka masih tidak berupaya untuk berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam masyarakat. Antara Jenis penyakit mental tersebut ialah <i>Skizofrenia</i> , <i>Paranoid</i> dan <i>Mood Disorder (depression, bopolar)</i>
7	Kurang Upaya Pelbagai	Mempunyai lebih dari satu (1) jenis ketidakupayaan dan secara umumnya tidak sesuai diklasifikasikan dalam kategori satu hingga enam (6).

3. GOLONGAN MASALAH PEMBELAJARAN DAN MENTAL

Pada asasnya, masalah pembelajaran diterima umum berlaku secara neurobiologikal proses kognitif dan seterusnya memberi kesan kepada pembelajaran (Adnan, 2016). Menurut Geary (2006), secara teori masalah pembelajaran disebabkan oleh defisit dalam keupayaan untuk mewakili atau memproses maklumat dalam satu set kecekapan individu dalam setiap domain. Dalam bidang pendidikan, murid bermasalah pembelajaran merujuk kepada murid yang mempunyai pelbagai masalah pembelajaran khususnya dari segi membaca, menulis dan mengira dan antara ciri-ciri murid bermasalah pembelajaran termasuklah sukar mempelajari kemahiran, mengikut arahan dan lemah dalam memberi tumpuan (Ali et al, 2016).

Masalah pembelajaran juga sering dikaitkan dengan *discrepancy creation* yang merujuk kepada a) kanak-kanak yang tidak mencapai tahap setimpal dengan umur dan keupayaannya setelah disediakan dengan pengalaman

pembelajaran yang sepatutnya b) kanak-kanak tersebut mempunyai percanggahan yang teruk di antara pencapaian dengan kemampuan intelektual dan satu atau lebih bidang yang berkait dengan kemahiran komunikasi dan kebolehan matematik (Adnan, 2016). Dalam maksud yang lebih khusus kanak-kanak masalah pembelajaran merujuk kepada kecelaruan satu atau lebih proses psikologi asas yang terlibat dalam memahami atau penggunaan bahasa, percakapan atau penulisan yang memberikan kesan kepada kemampuan yang kurang sempurna dari segi mendengar, berfikir, bercakap, membaca, menulis dan membuat pengiraan matematik (Adnan, 2016).

Selain daripada dikaitkan dengan masalah yang berkait rapat kemampuan belajar, *The National Joint Committee in Learning Disabilities* (NJCLD) mentakrifkan masalah pembelajaran sebagai sesuatu yang lebih umum yang mana merujuk kepada kecelaruan yang pelbagai berdasarkan kesukaran yang signifikan dalam kemahiran dan penggunaan pendengaran, percakapan, pembacaan, penulisan, memberi alasan atau kebolehan matematik (Adnan, 2016).

Kategori kanak-kanak bermasalah pembelajaran adalah Sindrom Down, Autisme, Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD), Terencat akal dan bermasalah pembelajaran spesifik (Yin et al, 2016).

Jadual 2 : Kategori Kanak-Kanak Masalah Pembelajaran

No.	Kategori	Penjelasan
1.	Terencat Akal	Dikenali sebagai <i>mental retardation</i> yang merujuk kepada fungsi kecerdasan akal yang berada di bawah kecerdasan purata yang turut menyebabkan kekurangan dalam penyesuaian tingkah laku (Adnan, 2016).
2.	Autisme	Merujuk kepada keadaan yang menyebabkan kanak-kanak menumpukan perhatian dalam dunianya sendiri (Adnan, 2016).
3.	Hiperaktif (ADHD)	Termasuk dalam kategori gangguan penumpuan yang menghasilkan tingkah laku seperti kurang tumpuan, mudah terganggu, impulsif dan hipeaktif (Adnan, 2016).
4.	Masalah Pembelajaran Spesifik	Gangguan dalam perkembangan, mengalami pelbagai masalah berkaitan neurologi dan kecacatan tersembunyi seperti disleksia, diskalkulia dan disgrafia (Adnan, 2016).
5.	Sindrom Down	Keadaan kongenital (sejak lahir) akibat kelainan kromosom. Ia dikaitkan dengan sekumpulan kanak-

kanak yang cacat mental yang berbeza dengan kumpulan kanak-kanak cacat yang lain terutama pada bahagian wajah (Wahid, 2008).

Kesimpulannya, masalah pembelajaran merujuk kepada kanak-kanak yang telah disahkan oleh pakar klinikal sebagai individu yang mengalami kecacatan neurologi yang menganggu proses pembelajaran. Ia melibatkan kekurangan dari sudut aspek keupayaan intelek atau mental, komunikasi dan tingkah laku sosial (Farhan et al, 2020).

4. DEFINISI TAKLIF DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA

Taklif dari sudut bahasa memberi maksud melazimkan(menyerahkan) beban kepada sesuatu (al- Mirdāwi, 2013). Manakala dari sudut syarak atau istilah adalah sesuatu pertanggungjawaban kesan dari *Khitāb*(perintah) Syarak (al-Mirdāwi, 2013). Manakala menurut al-Anṣāri (2000), taklif dari sudut istilah memberi maksud pertanggungjawaban sesuatu bebanan kepada seseorang sama ada dalam bentuk perbuatan atau meninggalkan sesuatu yang dilarang.

Secara kesimpulan, taklif adalah satu tanggungjawab atau bebanan agama yang ditentukan oleh syarak ke atas seseorang yang mukalaf yang mana perlaksanaan tanggungjawab itu dalam bentuk perbuatan yang perlu dilaksanakan atau ditinggalkan. Bebanan tersebut meliputi percakapan dan juga perbuatan mukalaf berdasarkan kesan daripada perintah atau larangan melalui nas-nas syarak sama ada dari al-Quran, hadis dan juga ijtihad syarie seperti qias dan ijmak (al- Syārikh et al, 2019).

Mukalaf menurut perbahasan ilmu usul fiqh lebih dikenali sebagai *Mahkūm ‘Alaih* yang mana di definisikan sebagai individu yang tertakluk kepada hukum Allah Penentu Syariat Islam(*al-Syāri’i*) (Khallāf, 1947).

Manakala hukum taklif(*al-Hukm al-Taklīfiyy*) didefinisikan sebagai hukum-hukum syarak yang datang dari perintah(*Khitāb*) Allah yang berkaitan dengan perbuatan hamba-hamba-Nya yang mukalaf sama ada tuntutan kewajipan melaksanakan sesuatu perintah, atau pilihan untuk melakukannya atau tidak (al-Zuhayli, 2006). Hukum taklif terbahagi kepada lima bahagian, iaitu wajib, sunat, harus, haram dan makruh (al-Zuhayli, 2006).

Hukum taklif ini tertakluk kepada beberapa syarat yang mana kedudukan syarat ini terbahagi kepada dua, iaitu syarat yang merujuk kepada individu mukalaf(*Mahkūm ‘Alaih*) dan syarat yang merujuk kepada perbuatan

mukalaf(*Mahkūm Fīhi*) (al-Namlah, 1999). Berikut adalah jadual yang menjelaskan tentang syarat-syarat untuk kedua-duanya:

**Jadual 3 : Syarat taklif merujuk kepada individu mukalaf
(al-Namlah, 1999)**

No.	Syarat	Penjelasan
1.	Baligh	Syarat ini tertakluk kepada beberapa tanda, iaitu haid, keluar air mani sekurang-kurangnya lengkap umur 9 tahun, atau lengkap umur 15 tahun (al-Haitami, 1983).
2.	Berakal	Seorang itu mampu berfikir dengan waras dan membezakan antara yang baik dan buruk
3.	Faham <i>Khitāb</i>	Memahami perintah dan larangan yang diturunkan oleh Allah kepada hamba-hamba-Nya.

**Jadual 4 : Syarat taklif merujuk kepada perbuatan mukalaf
(al-Namlah, 1999)**

No.	Syarat	Penjelasan
1.	Perbuatan itu mesti diketahui oleh mukalaf	Sesuatu perbuatan yang diperintahkan itu tidak boleh dilakukan dalam keadaan mukalaf itu jahil tentang amalan dan cara perlaksanaannya.
2.	Mukalaf mengetahui bahawa perintah itu datang dari Allah SWT	Perbuatan ini ditaati kerana Allah SWT atas dasar ibadah dan pengabdian kepada Tuhan yang menurunkan perintah syarak.
3.	Perbuatan itu terhasil dari hasil usaha mukalaf itu sendiri	Tidak sah sesuatu perbuatan taklif melainkan atas usaha individu mukalaf itu sendiri, melainkan ada beberapa perkara tertentu yang dibenarkan seperti ganti puasa bagi yang telah meninggal dunia oleh si waris.

4.1 Kelayakan Mukalaf (*Mahkūm 'Alaih*)

Menurut Khallāf (1947) keabsahan taklif ke atas seseorang perlu memenuhi syarat faham dalil taklif iaitu nas-nas syarak dengan akal yang waras, dan juga perlu memenuhi kriteria kelayakan untuk melaksanakan sesuatu perintah Allah SWT seperti ibadah solat, puasa dan seumpamanya.

Kelayakan dalam ilmu usul fiqh dinamakan sebagai *Ahliyyat* yang bermaksud kemampuan dan kesanggupan untuk melakukan sesuatu kerja, seperti seseorang itu layak untuk mengerjakan ibadah. *Ahliyyat* terbahagi kepada dua jenis, iaitu *Ahliyyat al-Wujūb* dan *Ahliyyat al-Adā'* (Zaidān, t.t).

a) *Ahliyyat al-Wujūb (Kelayakan Wajib)*

Jenis ini bermaksud kelayakan insan untuk ditentukan hak-hak dan kewajipan-kewajipan ke atasnya. Kelayakan ini berlaku dengan bermulanya kehidupan seseorang insan dengan pengakhirannya tanpa mengira apa sahaja bentuk dan keadaannya, sama ada lelaki atau perempuan, janin, kanak-kanak atau dewasa, berakal atau tidak (al-Zuhayli, 2006). *Ahliyyat al-Wujūb* pula terbahagi kepada dua jenis, iaitu *Ahliyyat al-Wujūb al-Nāqīṣat* dan *Ahliyyat al-Wujūb al-Kāmilat*. Berikut adalah jadual penjelasan tentang kedua-dua pembahagian tersebut:

Jadual 5: Jenis-Jenis *Ahliyyat al-Wujūb* (al-Zuhayli, 2006)

Jenis	Penjelasan
<i>Ahliyyat al-Wujūb al-Nāqīṣat</i>	Ia bermaksud kelayakan insan untuk ditentukan hak-haknya tanpa diwajibkan ke atasnya sebarang kewajipan. Jenis ini dikhusruskan untuk janin yang belum dilahirkan, maka dia memiliki hak-hak yang wajib ditunaikan setelah dilahirkan dalam keadaan hidup. Oleh yang demikian, dia berhak memiliki hak pewarisan harta, wasiat, hak nasab dan wakaf.
<i>Ahliyyat al-Wujūb al-Kāmilat</i>	Ia bermaksud kelayakan insan untuk ditentukan hak-hak dirinya, orang lain dan kewajipan-kewajipan ke atasnya. Kelayakan ini melibatkan individu semenjak kelahirannya sehingga kematiannya. Oleh itu, dia layak menerima segala hak-hak yang telah ditetapkan dan ketentuan perkara-perkara yang wajib dilaksanakan seperti jaminan(<i>al-Damān</i>), nafkah dan zakat. Begitu juga tanggungan segala bebanan kewajipan setelah mencapai peringkat akil baligh.

b) *Ahliyyat al-Adā' (Kelayakan Perlaksanaan)*

Jenis ini merujuk kepada percakapan dan perbuatan mukalaf sama ada dari aspek akidah, ibadat, muamalat dan hukuman(*al-'Uqūbāt*) yang tertakluk kepada mereka yang mencapai tahap berakal dan baligh (al-Zuhayli, 2006). Menurut Khallāf (1947) *Ahliyyat al-Adā'* terbahagi kepada tiga keadaan:

- i. Seseorang yang tiada langsung kelayakan *Ahliyyat al-Adā'* ('*Adīm Ahliyyat al-Adā'*) sama sekali, seperti kanak-kanak yang belum mumaiyiz dan orang gila tidak kira di peringkat mana-mana umur sekalipun. Golongan ini yang mana perbuatan dan percakapan mereka sama sekali tidak terkesan dengan hukum-hukum syarak. Malah ibadat mereka tidak dikira sah oleh syarak kerana tiada kelayakan.

- ii. Ada di antara manusia termasuk dalam kategori separa *Ahliyyat al-Adā'* (*Ahliyyat al-Adā' al-Nāqīṣat*). Kategori ini disifatkan seperti kanak-kanak mumaiyiz yang belum mencapai peringkat akil baligh. Golongan yang termasuk dalam keadaan ini ialah individu yang cacat atau lemah mental, maka situasi golongan ini sama seperti kanak-kanak mumaiyiz yang mana tidak diwajibkan melakukan ibadah namun jika ia dilaksanakan ibadahnya tetap sah.
- iii. Individu yang memiliki *Ahliyyat al-Adā'* yang sempurna (*Ahliyyat al-Adā' al-Kāmilat*). Kategori ini melibatkan individu yang telah mencapai tahap baligh dan berakal sempurna. Keadaan ini tidak hanya bergantung kepada tanda-tanda baligh yang muncul, namun ia terikat dengan pemilikan akal yang sempurna.

Fuqaha bersepakat bahawa kanak-kanak mumaiyiz tidak termasuk di dalam perintah(*Khitāb*) Allah atas pertanggungjawaban hukum-hukum taklif yang mana tidak diwajibkan perlaksanaan solat, puasa dan haji serta ibadat-ibadat yang lain (al-Jawarneh et al, 2019). Namun begitu ibadat-ibadat tersebut sah jika dilakukan oleh kanak-kanak mumaiyiz dan begitu juga sah menjadi imam untuk golongan baligh (al-Ramli, 2009).

Manakala zakat, jumhur ulama dari mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali berpendapat bahawa zakat untuk harta kanak-kanak (sama ada mumaiyiz atau tidak) dan gila wajib dikeluarkan oleh walinya jika cukup haul dan nisab (al-Jawarneh et al, 2019). Manakala mazhab Hanafi berpandangan bahawa harta kanak-kanak dan orang gila yang cukup syarat tidak wajibkan dikeluarkan zakat oleh walinya kerana mereka tidak termasuk dalam perintah(*Khitāb*) Allah SWT (al-Sarkhasi, 1993).

4.2 Halangan-Halangan Kelayakan ('Awārid al-Ahliyyat)

Seperti mana yang dijelaskan sebelum ini kelayakan manusia untuk memikul tanggungjawab berbeza dan tahap masing-masing yang mana kelayakan ini bergantung kepada kemampuan akal seseorang dan tahap kedewasaannya. Justeru, terdapat beberapa faktor penyebab yang menggugurkan kelayakan ini dari sesetengah golongan sama ada *Ahliyyat al-Wujūb* atau *al-Adā'*.

Para ilmuan usul fiqh telah membahagikan halangan kelayakan kepada dua bahagian, iaitu '*'Awārid al-Ahliyyat al-Samāwiyyat*' dan '*'Awārid al-Ahliyyat al-Muktasabat*' (al-Zuhayli, 2006).

4.2.1 ‘Awārid al-Ahliyyat al-Samāwiyyat

Halangan kelayakan ini dikategorikan sebagai halangan yang luar dari usaha dan kehendak manusia (al-Judai‘, 1997). Halangan ini terbahagi kepada 6 jenis (Zaydān, t.t.):

i. *Gila (al-Junūn)*

Ulama usul fiqh mendefinisikan sebagai kecacatan yang menyebabkan kebanyakan perbuatan dan percakapan seseorang terhalang dari jalan akal yang sempurna (Zaydān, t.t.). Gila tidak menggugurkan *Ahliyyat al-Wujūb* kerana *dhimmah* disabitkan pada diri orang yang gila selagi hidup (Zaydān, t.t.). Namun ia mengugurkan *Ahliyyat al-'Ada* disebabkan tiada akal yang waras sebagai penanda aras untuk membezakan (*Tamyiz*) antara yang baik dan buruk (al-Judai‘, 1997).

Dalam Konteks ibadah golongan ini tergugur daripada kewajipan kerana tiada kemampuan akal yang sempurna, namun kewajipan ini kembali ditanggung apabila kembali sedar atau normal dari penyakit gila (Zaydān, t.t.).

Jumhur ulama berpendapat bahawa orang gila yang telah hilang kecacatan ini tidak wajib qada solat yang ditinggalkan di saat gila (Kuwait, 1983). Ulama mazhab Hanafi sependapat dengan jumhur pada hukum orang yang menjadi gila secara semula jadi (*al-Junūn al-Aslī*), namun berlainan dengan sebab gila yang berlaku secara kontigensi (*al-Junūn al- 'Ārid*), maka menurut mereka wajib qada solat dan puasa apabila hilang kecacatan itu (al-Kāsāni, 1986).

Walaubagaimanapun, gila yang disengajakan (*al-Ta 'addi*) seperti makan ubat yang menyebabkan kecacatan itu, maka ibadah solat dan puasa wajib diqada untuk sepanjang tempoh gila apabila kembali waras (al-Haitami, 1983).

ii. *Terencat akal (al- 'Ath)*

Menurut al-Syarawāni (1983) *al-Ma 'tūh* (terencat akal) ialah individu yang kurang akal, atau yang rosak akal warasnya. Dari sudut hukum taklif atau kelayakan (*Ahliyyat*), golongan yang terencat akal sama seperti kategori gila (al-'Irāqi, 2011). Akan tetapi, golongan *al-Ma 'tūh* yang dewasa adakala kedudukannya sama seperti kanak-kanak yang mumaiyiz yang mana tidak menggugurkan *Ahliyyat al-Adā'* tetapi hanya mengurangkan kelayakan itu (al-Zuhayli, 2006). Kategori ini boleh dikaitkan dengan kecacatan akal yang tidak kritisikal atau tinggi seperti mana yang disifatkan oleh ulama sebagai kurang akal (*Nāqiṣ al- 'Aql*).

iii. *Lupa (al-Nisyān)*

Lupa adalah sesuatu yang luar jangka yang berlaku kepada seseorang yang menyebabkan dirinya tidak ingat tanggungjawabnya (Zaydān, t.t). Seseorang yang terlupa tidak menggugurkan *Ahliyyat al-Wujūb* dan *al-Adā'*, namun dia diberi keuzuran dengan gugurnya dosa kerana meninggalkan kewajipan atas faktor lupa dan tidak akan dihukum di akhirat kelak (al-Judai', 1983).

Oleh yang demikian, seseorang yang lupa wajib mengqada ibadat solat yang ditinggalkan sepanjang tempoh lupa itu¹ (al-Būrnū, 2003). Manakala orang yang berbuka puasa disebabkan terlupa tidak terbatal puasanya, bahkan dia wajib meneruskan puasa yang wajib² sehingga terbenam matahari (al-Syirbīni, 1994).

iv. *Tidur dan Pengsan (al-Naum wa al-Ighmā')*

Tidur dan pengsan tidak menggugurkan *Ahliyyat al-Wujūb*, tetapi menggugurkan *Ahliyyat al-Adā'* selagi mana seseorang itu tidur atau pengsan kerana kedua-dua keadaan menyebabkan seseorang itu tidak dapat mengawal akal dan kewarasannya (Zaydān, t.t). Dari sudut ibadat, orang yang sedang tidur terangkat daripada tanggungjawab ibadat, namun begitu kewajipan ibadat tidak gugur yang mana wajib qada solat apabila bebas dari keuzuran itu (al-Haitami, 1983).

Manakala orang yang pengsan tidak wajib qada solat selama tempoh pengsan berbanding puasa di sisi mazhab Syafi'i, asalkan pengsan yang bukan disengajakan(*Ghair al-Ta 'addi*) tanpa hajat (al-Nawawi, t.t). Hikmahnya kerana qada solat ke atas orang yang pengsan dikira membebankan kerana jumlah solat yang banyak kerana berulang setiap hari berbanding puasa (al-Syarawāni, 1983).

Pandangan tidak wajib qada solat dipersetujui oleh ulama mazhab Maliki dan salah satu pendapat Imam Ahmad, tetapi menurut mazhab Hanafi tidak wajib qada solat dalam tempoh pengsan jika melebihi tempoh sehari semalam (Kuwait, 1983). Menurut pandangan muktamad dalam mazhab Hanbali, pengsan hukumnya sama seperti tidur, maka wajib qada solat sepanjang tempoh pengsan (al-Maqdisi, 1993).

¹ Ini berdasarkan kaedah fiqh yang menyebut: "Lupa tidak menggugurkan kewajipan" (النسيان لا يسقطه) (الوجوب) (al-Būrnū, 2003).

² Seperti puasa Ramadan, qada Ramadan dan Nazar.

Berlainan dengan ibadat puasa, menurut al-Syirbīni (1994) orang yang tidur sepanjang siang hari tidak membatalkan puasa, tetapi pengsan sepanjang hari membatalkan puasa dan wajib qada. Kewajipan qada puasa ke atas orang yang pengsan tidak gugur adalah hukum yang disepakati oleh para fuqaha empat mazhab (Kuwait, 1983).

v. *Sakit (al-Mard)*

Sakit tidak termasuk dalam kategori gila dan sakit, ia tidak menafikan *Ahliyyat al-Wujūb* dan *al-Adā'*, bahkan orang yang sakit memiliki kedua-dua kelayakan *Ahliyyat* yang sempurna (Zaydān, t.t.). Namun begitu, faktor sakit memberi kesan terhadap sebahagian hukum hakam yang melibatkan sesuatu ibadat tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna syarat dan rukunnya (al-Judai', 1997).

Oleh yang demikian, orang yang sakit tidak gugur tanggungjawab dalam beribadat seperti solat yang wajib dilaksanakan mengikut kemampuan yang ada seperti solat dalam keadaan duduk bagi mereka yang tidak mampu berdiri (al-Nawawi, t.t.).

Puasa orang yang sakit diberi keuzuran untuk berbuka puasa dan wajib qada bagi penghidap penyakit yang boleh sembuh (*Yurjā Bar'uhu*) (al-Bakri, 1997). Manakala penghidap penyakit yang tidak bakal sembuh, maka gugur kewajipan berpuasa namun perlu digantikan dengan fidyah sahaja (al-Ramli, 2009).

vi. *Mati (al-Maut)*

Halangan ini merupakan kategori penggugur *Ahliyyat al-Adā'* secara keseluruhannya. Dalam erti kata yang lain kematian penyebab seseorang itu tergugur daripada hukum hakam taklif syarie kerana seorang yang telah meninggalkan dunia tiada kuasa pilihan (*ikhtiyar*) dan kemampuan (*Qudrah*) untuk terhadap tanggungjawab tersebut (Zaydān, T. T.). Manakala *Ahliyyat al-Wujūb* para ulama bersepakat bahawa ia juga gugur dengan sebab kematian yang mana si mati tiada lagi terikat dengan *dhimmah* melainkan beberapa perkara seperti hutang si mati wajib dilunaskan jika si mati meninggalkan harta (Zaydān, t.t.).

Mazhab Syafi'i berpendapat, jika si mati meninggalkan hutang puasa ketika hidup yang mana dia mampu untuk mengqadanya ketika hidup maka ahli warisnya wajib membayar fidyah, atau berpuasa untuk si mati sekiranya si mati meninggalkan harta pusaka (al-Baijūri, 2016). Iri bagi golongan semasa hidup dia mampu qada puasa yang ditinggalkan sama ada atas sebab

keuzuran atau tidak, namun qada tidak ditunaikan sehingga mati (al-Ramli, 2009). Manakala bagi golongan yang tidak mampu qada puasa semasa hidup sehingga meninggal dunia maka ahli warisnya tidak diwajibkan untuk qada puasanya dan pandangan ini disepakati oleh tiga mazhab yang lain (al-Baijūri, 2016 & al-Zuhayli, 1985).

Menurut mazhab Hanafi dan Maliki ahli waris wajib membayarkan fidyah hutang puasa jika si mati meninggalkan wasiat agar berbuat begitu (al-Zuhayli, 1985). Manakala mazhab Hanbali sependapat dengan mazhab Syafi'i dalam permasalahan puasa dan fidyah oleh ahli waris untuk si mati (al-Zuhayli, 1985).

Menurut majoriti ulama yang terdiri dari mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali, si mati yang berhutang solat ketika hidup tidak digugurkan dengan pembayaran fidyah (Kuwait, 1983 & al-Bakri, 1997). Mazhab Hanafi pula berbeza pandangan dengan jumhur bahawa jika si mati meninggalkan hutang solat fardu, maka si waris wajib membayar setengah gantang makanan asasi untuk setiap satu solat fardu (al-Sarkhasi, 1993). Asas hukum ini berdasarkan kaedah qias dengan fidyah puasa seseorang yang telah meninggal dunia (al-Haddād, 2006).

4.2.2 'Awārid al-Ahliyyat al-Muktasabat

Halangan-halangan ini memberi kesan terhadap kelayakan (*Ahliyyat al-Wujūb* dan *al-Adā'*) manusia meskipun ia tidak meluputkan dan menggugurkan kedua-duanya (Zaydān, t.t). Halangan jenis ini terbahagi kepada 6 jenis, iaitu Jahil (*al-Jahl*), silap (*al-Khata'*), gurau (*al-Hazl*), *Safh* (*al-Safh*), mabuk (*al-Sakrān*) dan paksaan (*al-Ikrāh*) (al-Judai', 1997).

Jenis halangan ini terbahagi kepada dua, iaitu halangan yang datang dari diri sendiri seperti jahil, mabuk, silap dan bodoh (al-Masyūkhi, 2013). Manakala yang datang dari orang lain ialah paksaan (al-Masyūkhi, 2013). Berikut adalah perincian untuk setiap jenis:

i. *Jahil*

Sebahagian jenis kejahilan diberikan keuzuran daripada hukum taklif seperti seseorang yang menetap di negeri kafir (*Dār al-Harb*) yang jauh dari kedudukan ulama sehingga tidak mampu untuk mempelajari ilmu fardu 'ain (al-Baijūri, 2016). Manakala kejahilan yang tidak diberi keuzuran ialah seseorang yang tinggal di negara Islam yang memiliki akses yang mudah untuk menuntut ilmu (Zaydān, t.t). Sebagai contoh perbandingan antara seorang muslim yang jahil tentang hukum hakam solat yang menetap di

negara kafir dan negara Islam. Kejahilan yang pertama tidak terbeban dengan taklif dosa atas sebab keuzuran tersebut berbanding muslim yang menetap di negara Islam.

ii. *Silap*

Silap bermaksud sesuatu perbuatan yang disandarkan kepada seseorang tanpa disengajakan ketika melakukannya secara langsung (Kuwait, 1983). Kesilapan seseorang dalam melakukan sesuatu perkara tidak menafikan kedua-dua *Ahliyyat* kerana akal masih lagi waras ketika berlakunya kesilapan itu (Kuwait, 1983). Namun kesilapan yang tidak disengajakan itu menggugurkan dosa dan kejian syarak terhadap pelakunya (al-Judai', 1997).

iii. *Gurau*

Maksud *gurau* di sisi fuqaha ialah sesuatu yang bukan dimaksudkan secara hakikat atau majaz, bahkan ia memberi maksud yang lain dari kedua-duanya dan ia dikaitkan dengan perbuatan bermain-main dan bersenda (Kuwait, 1983). Seseorang yang mengaitkan perbuatan atau percakapannya dalam bentuk *gurauan* ia memberi kesan terhadap beberapa hukum syarak seperti seseorang melafazkan kata kufur dalam bentuk *gurauan* tidak menjatuhkan dirinya sebagai kafir atau murtad (Zaydān, t.t). Selain itu akad jual beli dilakukan secara *gurauan* menjelaskan keabsahan akad tersebut (Zaydān, t.t).

iv. *Safh*

Safh bermaksud kelemahan berfikir yang menimpa seseorang yang memberi kesan kepada pengurusan hartanya berbanding seseorang mampu berfikir matang (Kuwait, 1983). Secara ringkasnya, *safih* ialah seorang dewasa yang bodoh dalam pengurusan hartanya dan menjadikannya individu yang tidak layak dalam pengurusan harta. *Safh* tidak terhalang dari kedua-dua *Ahliyyat* kerana dia masih dalam kategori orang yang berakal, cuma kelemahannya itu memberi kesan terhadap hartanya yang mana ia perlu ditahan oleh pemerintah agar tidak menguruskannya sendiri sehingga menjurus kepada pembaziran dan kehilangan harta (al-Judai', 1997).

v. *Mabuk*

Maksud *mabuk* ialah hilang kewarasan akal disebabkan pengambilan sesuatu yang memabukkan yang mana orang yang *mabuk* tidak mengetahui

apa yang dia lakukan saat mabuk (al-Judai', 1997). Mabuk merosakkan akal sehingga tidak dapat membezakan antara yang baik dan buruk. Halangan ini Seorang yang mabuk terangkat dari *Ahliyyat al-Adā'* dan mabuk yang berlaku melalui jalan yang diharuskan oleh syarak hukumnya sama seperti orang yang pengsan (Zaydān, t.t). Manakala mabuk dengan cara yang diharamkan para ulama berselisih pendapat tentang kedudukannya, adakah kedudukannya sama seperti orang yang pengsan atau tidak (al-Judai', 1997).

Menurut pendapat muktamad di sisi mazhab Syafi'i, orang yang mabuk tidak dianggap mukalaf dalam keadaan mabuk meskipun melalui cara yang haram seperti minum arak (al-Zarkasyi, 1994; al-Subki, 1999). Namun orang yang mabuk secara haram tidak terlepas dari hukuman dan jaminan kerosakan harta benda, atau kehilangannya nyawa yang berlaku disebabkan dirinya yang dalam keadaan mabuk, dan juga jatuh talak yang dilafazkan (al-Āmidi, 2003).

vi. Paksa

Maksud paksa di sisi fuqaha, membawa seseorang kepada sesuatu yang dia tidak suka untuk melakukannya (Kuwait, 1983). Halangan jenis ini seperti jenis-jenis '*Awarid Muktasabat* yang lain, iaitu tidak menggugurkan *Ahliyyat al-Wujūb* dan *al-Adā'* tetapi memberi kesan kepada sebahagian hukum hakam disebabkan dorongan secara paksa untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan syarak (Zaydān, t.t). Paksa terbahagi kepada dua, i) Paksa yang hak, iaitu hakim memaksa orang yang berhutang agar melunaskan hutangnya kepada pembiutang, dan ii) Paksa bukan cara yang hak seperti paksa melakukan perkara yang haram (al-Judai', 1997). Paksa jenis yang pertama hukumnya harus dan sah di sisi syarak, manakala yang kedua hukumnya tidak berkesan kepada orang yang dipaksa, contohnya tidak jatuh kufur ke atas orang yang dipaksa murtad.

5. KEDUDUKAN TAKLIF UNTUK GOLONGAN OKU MASALAH PEMBELAJARAN DAN MENTAL

Menurut Adnan (2016) golongan OKU bermasalah pembelajaran dan mental boleh dibahagikan kepada tiga kategori umum iaitu mengalami kerencatan akal yang teruk iaitu murid terencat akal dan autisme teruk. Keduanya berakal tetapi tidak mencapai tahap normal iaitu terencat akal ringan dan sederhana serta autisme sederhana. Ketiga akal normal tetapi bermasalah tingkah laku iaitu murid ADHD. Menurut beliau lagi, murid austisme berfungsi tinggi memiliki akal normal tetapi bermasalah interaksi sosial manakala murid bermasalah pembelajaran spesifik juga memiliki akal normal tetapi bermasalah dari segi pembelajaran melibatkan bacaan dan daya

mengingat.

Al-Zuraiqāt (2004), golongan autisme terbahagi kepada empat kelompok. Pertama golongan yang bermasalah neurologi di tahap yang ringan dan jarang berlaku yang mana mereka memiliki tahap IQ yang tinggi(High Intelligence), atau lebih dikenali sebagai autisme berfungsi tinggi. Kedua golongan autisme tahap rendah iaitu mereka yang menghadapi masalah interaksi sosial dan tahap IQ lebih rendah dari tahap yang pertama. Ketiga golongan tahap sederhana yang mana komunikasi sosial yang sangat terhad dan menghadapi masalah gangguan gangguan mental dan memiliki tingkah laku yang berbeza, seperti tangan yang sering bergoyang seakan menggigil. Keempat golongan tahap tinggi ini menghadapi kerencatan akal yang teruk.

Berdasarkan pembahagian di atas ternyata golongan yang bermasalah pembelajaran dan mental termasuk dalam golongan yang memiliki *Ahliyyat al-'Ada* yang terhad(*Nāqisāt*), iaitu mereka disamakan seperti kanak-kanak mumaiyiz. Selain itu, ada juga tergugur daripada kelayakan ini(*Ahliyyat al-Adā'*) yang mana tahap kerencatan akal terlalu tinggi dan ia boleh disamakan seperti kategori gila menurut ilmu fiqh.

Menurut Adnan (2016) lagi, golongan yang mengalami austisme berfungsi tinggi, sindrom asperger, ADHD dan masalah pembelajaran spesifik mempunyai kedua-dua kelayakan yang sempurna(*Ahliyyat al-Wujūb* dan *al-Adā' al-Kāmilat*) kerana masalah yang dialami tidak melibatkan kehilangan fungsi akal untuk memahami hukum syarak. Al-Jawarneh et al. (2019) berpandangan golongan autisme dari sudut taklif syarie berlegar hanya pada dua kedudukan, iaitu sama ada *tamyiz*, atau *junun*(gila) dan *'ath*(terencah akal). Namun pembahagian ini tidak memasukkan golongan autisme berfungsi tinggi. Walaubagaimana pun kesemua kategori dan tahap ini tidak mengluputkan kelayakan wajib yang sempurna (*Ahliyyat al-Wujūb al-Kāmilat*).

Jadual 6: Tahap kedudukan taklif bagi OKU masalah pembelajaran dan cacat mental dewasa.

Tahap Kecacatan	Qias (Tahap Akal)	Jenis Kelayakan	Jenis Halangan
Tahap Ringan:			
Autisme berfungsi tinggi, sindrom asperger, ADHD dan masalah pembelajaran spesifik.	Akal Waras	<i>A. al-Wujūb & al-Adā' al-Kāmilat</i>	Tiada
Tahap Rendah:			
Terencat akal rendah dan autisme rendah	Mumaiyiz	<i>A. al-Wujūb & al-Adā' al-Nāqisah</i>	<i>Tamyiz & Kurang Akal</i>

Tahap Sederhana: Terencat akal sederhana dan autisme sederhana	Mumaiyiz	A. <i>al-Wujūb & al-Adā'</i> <i>al-Nāqīṣah</i>	Tamyiz & Kurang Akal
Tahap Tinggi: Terencal akal teruk dan autisme teruk.	Gila	A. <i>al-Wujūb</i>	Tiada Tamyiz & Tiada Akal

Kedudukan hukum pengeluaran zakat bagi golongan-golongan ini bergantung kepada jenis kelayakan masing-masing. Perkara ini telah dijelaskan pada poin no. 4.1.(b).

Kedudukan taklif ibadah haji pula, para fuqaha bersepakat bahawa golongan OKU cacat mental yang tiada *Ahliyyat al-Adā'* *al-Kāmilat* digugurkan daripada kewajipan ibadat haji (al-Sulami, 2018). Manakala golongan yang memiliki kecacatan ringan memerlukan pembimbing sepanjang proses ibadat haji dijalankan untuk menjamin keselamatannya. Jika tiada pembimbing yang menemani mereka ia termasuk dalam kategori tiada kemampuan (al-Nawawi, 1991).

6. KEDUDUKAN TAKLIF UNTUK GOLONGAN KURANG UPAYA PELBAGAI

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (t.t), Kurang Upaya Pelbagai (*Multiple Disabilities*) bermaksud golongan individu mempunyai lebih daripada satu jenis ketidakupayaan. Contohnya, seorang individu yang mengalami 2 jenis ketidakupayaan dari segi penglihatan dan pendengaran akan didaftarkan dalam kategori kurang upaya pelbagai (SPA Kedah, t.t).

Golongan OKU ini disenaraikan sebagai individu yang menghadapi masalah gangguan dwi-deria di mana kecacatan pendengaran dan penglihatan yang serentak berlaku (Omar et al, 2019). Profil visual kanak-kanak buta pekak mendedahkan sama ada persepsi cahaya (LP) dan dikategorikan sebagai buta atau rabun rendah hingga sederhana (Omar et al, 2019). Manakala profil pendengaran menunjukkan majoriti daripada mereka mengalami kehilangan pendengaran mendalam dua hala dengan purata nada tulen purata antara 50 dB HL dan 120 dB HL dan majoriti kanak-kanak memiliki alat bantu pendengaran (Omar et al, 2019). Dari sudut cara komunikasi kaedah sentuhan adalah cara yang paling utama untuk kanak-kanak ini (Omar et al, 2019).

Berdasarkan laporan kajian terhadap golongan ini, OKU pelbagai seperti ini masih dapat melihat dengan kadar penglihatan yang sangat tipis dan ada dalam kalangan mereka yang mencapai tahap yang sederhana. Manakala

sudut pendengaran, golongan ini dapat mempertingkatkan kualiti pendengaran melalui peralatan teknologi moden.

Pada asasnya kecacatan pendengaran dan penglihatan tidak menggugurkan *Ahliyyat al-Adā'* kerana golongan OKU ini tidak menghadapi kecacatan akal. Namun cara perlaksanaan ibadat bagi golongan ini berbeza dan diberi keringanan berdasarkan kemampuan mereka.

Pada asasnya golongan ini perlu melaksanakan tuntutan ibadat berdasarkan daya kemampuan fizikal mereka yang ada dengan sedaya mungkin. Perkara ini berdasarkan firman Allah SWT di dalam surah al-Taghabun, ayat 16:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا أَسْتَطَعْتُمْ

Maksudnya: "Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu."

Hal ini juga bersandarkan sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَا كَيْنُوكُمْ عَنْهُ فَاجْتَبَيْتُهُ، وَمَا أَمْرَتُكُمْ بِهِ فَأَفْعَلُو مِنْهُ مَا أَسْتَطَعْتُمْ

Maksudnya: "Apa yang aku tegah hendaklah kamu semua menginggalkannya, dan apa yang aku perintahkan hendaklah kamu laksanakan semampunya." (Muslim, t.t)

Seorang yang cacat percakapan seperti bisu dan pekak perlu bersyahadah untuk memeluk agama Islam dengan menggunakan bahasa isyarat yang difahami kerana bahasa isyarat bagi golongan ini hukumnya sama seperti bicara bagi pihak dirinya (al-Haitami, 1987). Dalam etika solat, para ulama bersepakat bahawa golongan ini gugur daripada tuntutan membaca rukun-rukun qauli di dalam solat, namun para ulama berselisih pandangan hukum individu bisu menggerak-gerakkan lidahnya (Kuwait, 1983).

Menurut mazhab Maliki, Hanbali dan pendapat yang muktamad di sisi mazhab Hanafi golongan ini tidak wajib menggerak-gerakkan lidah dan hanya wajib menunaikan *Takbiratul Ihram* dan bacaan dalam solat dengan lintasan hati (Kuwait, 1983). Menurut mazhab Syafi'i, jika seseorang itu cacat bisu disebabkan kemalangan atau penyakit, maka dia wajib mengerak-gerakkan lidahnya untuk bacaan rukun-rukun qauli, manakala jika cacat semula jadi tidak diwajibkan untuk menggerakkan lidahnya sebagai gantian bacaan (al-Ramli, 1984). Menurut al-Nawawi (1991), seorang yang cacat pendengaran wajib mengeluarkan suara untuk bacaan rukun qauli dengan kadar suara yang boleh didengari oleh telinganya sendiri jika tiada kecacatan itu.

Kedudukan taklif ibadat haji, para ulama berselisih pendapat tentang hukum perlaksanaan ibadat haji bagi golongan OKU penglihatan. Menurut mazhab Hanafi golongan cacat penglihatan tidak wajib menunaikan haji meskipun wujud pembimbing dan peneman (al-Kasani, 1986). Manakala mazhab majoriti mazhab termasuk mazhab al-Syafi'i berpendapat bahawa golongan ini wajib menunaikan haji jika wujud peneman sepanjang proses ibadat haji berjalan (al-Nawawi, 1991; al-Sulami, 2018)

Secara ringkas, situasi golongan OKU pelbagai dalam hal komunikasi, pengajaran dan pembelajaran perlu merujuk kepada tahap kecacatan dwi-deria berdasarkan yang paling ringan antara kedua-duanya. Kecacatan yang paling ringan dan mudah digunakan untuk pemahamannya dalam komunikasi, maka itu menjadi wasilah yang utama memahamkan golongan ini terhadap perintah(*Khitāb*) Allah. Sebagai contoh, jika seseorang yang cacat pendengaran dan penglihatan, kecacatan pendengaran boleh ditambah baik melalui alat bantu pendengaran, maka *Khitāb* Allah boleh difahami melalui pendengarannya dan keadaan ini tidak menggugurkan syarat *Ahliyyat al-Adā' al-Kāmilat*. Perkara ini berdasarkan kaedah fiqh:

الميسور لا يسقط بالمعسور

Perkara yang mudah tidak gugur dengan perkara yang sukar
(al-Burnu, 2003).

Jika individu yang mengalami kecacatan dwi-deria(pendengaran dan penglihatan) secara total dan tidak mampu memahami sesuatu apa-apa cara komunikasi, maka dia tergugur daripada hukum-hukum taklif kerana tidak memenuhi syarat penting (Rujuk jadual 3 dan 4), iaitu tidak mampu memahami *Khitāb* yang dipertanggungjawab ke atas dirinya, dan amalan yang diperintahkan itu tidak dapat dilaksanakan atas sebab sukar mempelajarinya melalui apa-apa jalan komunikasi.

7. KESIMPULAN

Asas hukum taklif ke atas seseorang bergantung kepada kemampuan akalnya. Selagi mana seseorang itu tidak mencapai kedudukan akal yang waras maka tanggungjawab ibadat gugur dari kehidupannya meskipun umur sudah mencapai tahap dewasa atau baligh. Namun begitu, kewajipan perlaksanaannya tertakluk kepada syarat capaian umur baligh yang diketahui melalui tanda-tandanya. Asas akal yang waras punca utama keabsahan ibadat-

ibadat *badaniyyāt* di sisi syarak, seperti solat dan puasa dan ini menunjukkan akal memainkan peranan utama dalam penentuan kedudukan taklif seseorang. Bagi golongan yang waras akalnya dan sudah mencapai umur baligh tidak tergugur daripada kewajipan perlaksanaan ibadat meskipun terdapat beberapa halangan yang memberi kesan pada hukum sesuatu ibadat. Namun Islam menekankan aspek rukhsah ke atas golongan ini untuk meringankan beban mereka dalam melaksanakan ibadat.

8. RUJUKAN

- Abu Daūd, Sulaimān. (2009). Sunan Abī Daūd. Beirut: Dār al-Risālat al-‘Ilmiyyat.
- Ab Rahman, A. (2018). Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) Sebagai Asnaf Ar-Riqab di Malaysia: The Position of Disabled as Zakat Recipient under the Category of ar-riqab in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 12(1), 37-55.
- Ab Rahman, A., Syed Shamsudin, S. S., Nozlan, N. N., Abd. Shakor, M. F., & Sukari, A. (2021). Pandemik COVID-19: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Masalah Pembelajaran Di Malaysia : Pandemic COVID-19: Challenges of Teaching and Learning (PDP) Islamic Education in Special Education for Students with Learning Disabilities in Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 127-138.
- Adnan, Arnie. (2016). Perlaksanaan solat bagi murid-murid bermasalah pembelajaran (Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan Dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Ali, M. M., & Sahal, N. (2016). Intervensi meningkatkan tumpuan dalam pembelajaran murid bermasalah pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 1-6.
- Al-Anṣāri, Zakaria. (2017). Ghāyat al-Wusūl fi Syarḥ Lubb al-Uṣūl. Kuwait: Dār al-Ḍiyā’.
- Al-Āmīdi, ‘Ali. (2003). Al-Iḥkām fi Uṣūl al-Aḥkām. Riyadh: Dār al-Ṣumai‘ī.
- Ariffin, Z. (2006). Kerjaya Untuk Orang Kurang Upaya. PTS Profesional.
- Azab, Ahmed bin Mohamed. (2015). Ri‘āyat al-Syarī‘at li al-Mu‘āqīn Jasadiyyan: Aḥkām al-‘Ibādāt Namūzajān. *Journal of Islamic Studies and Academic Research*, Universiti Kaherah, 10(64), 75 – 122.
- Al-Bakri, Uthman. (1997). I‘ānat al-Tālibīn fī Hall Alfāz Fath al-Mu‘īn. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Baijūri, Ibrahim. (2016). Hāsyiat al-Baijūriy ‘alā Ibn Qāsim. Jeddah: Dār al-Minhāj.

- Al-Būrnū, M. Sidqi. (2003). *Mausū'at al-Qawāid al-Fiqhiyyat*. Beirut: Muassasat al-Risalat.
- Farhan, M., Md Hamil, S., Azmi, N. N., Roslid, N. U. J., Zainal, N. N., Kamaruddin, N. B., Hamizi, N. I., Ismawi, N. Z., & Husin, M. R. (2020). Masalah Pembelajaran untuk Pelajar Pendidikan Khas: Dana dan Prasarana. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 3(1), 1-10.
- Geary, D. C. (2006). Mathematics and Learning Disabilities. *Journal of Learning Disabilities*, Hammil Institute of Disabilities. 37(1). 4 – 15.
- Al-Ḥaddād, A. Bakar. (2006). *Al-Jawharat al-Nīrat Syarḥ Mukhtaṣar al-Quḍūriy fī Furū' al-Hanafiyyat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-Haitami, Ibn Hajar. (1983). *Tuhfat al-Muhtāj fi Syarḥ al-Minhāj wa Ḥawāsyī al-Syarawāniy wa al-'Abbādiy*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabiyy.
- Al-Haitami, Ibn Hajar. (1987). *Al-Zawājir 'an Iqtirāf al-Kabāir*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al- Irāqi, A. Zur'ah. (2011). *Tahrīr al-Fatāwā 'alā al-Tanbīh wa al-Minhāj wa al-Ḥāwiyy al-Musammā al-Nukat 'alā al-Mukhtasarāt al- Thalāth*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (t.t). Maklumat Berkenaan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) dan Kategori OKU. Diakses pada Julai 2022, daripada: <https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/MAKLU%20BERKENAAN%20PENDAFTARAN%20OKU%20DAN%20KATEGORI%20OKU.pdf>
- Al-Jawarneh, I., Miqdady, R. (2019). The Rules of Autistic Patients in Islamic Jurisprudence: Authentic Study (*Aḥkām Mardā al-Tawāḥhud fī al-Fiqh al-Islāmi Dirāsat Ta'sīliyyat Fiqhiyyat*). *Dirasat: Shari'a and Law*, 46(1). 117 – 142.
- Al-Judai', Abdullah. (1997). *Taisīr 'Ilm Usūl al-Fiqh*. Lubnan: Muassasat al-Rayyān.
- Al-Kāsāni, A. Bakar. (1986). *Badai' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Syarā'i'*. Cet. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.

- Khallāf, A. Wahab. (1947). 'Ilm Usūl al-Fiqh. Cet. 8. Kaherah: Maktabat al-Da'wat al-Islāmiyyat Syabāb al-Azhar.
- Kuwait, Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam. (1983). Al-Mausū'at al-Fiqhiyyat. Cet. 2. Kuwait: Wizārat al-Awqāf wa al-Syu'un al-Islamiyyat.
- Al-Masyūkhi, Ziyad. (2013). Al-Istiḍāf wa Ahkāmu fī al-Fiqh al-Islāmiy. Riyadh: Dār Kunūz Isybiliyā.
- Al-Maqdisi, Ibn Qudamah. (1993). Al-Muqni' wa Syarḥ al-Kabīr wa al-Inṣāf. Kaherah: Dar Hajar.
- Al-Mirdāwi, Ali. (2013). Tahrīr al-Manqūl wa Tahdhīb al-Uṣūl. Qatar: Wizārat al-Awqāf wa Syu'un al-Islāmiyyat / Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam.
- Al-Namlah, A. Karim. (1999). Al-Muhadhdhab fī 'Ilm Usūl al-Fiqh al-Muqāran: Tahrīr li Masā'ilihī wa Dirāsatihā Dirāsatān Nazariyyatān Taṭbiqiyyatān. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Nawawi, Yahya. (t.t). Al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Yahya. (1991). Rauḍat al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muftīn. Cet. 3. Beirut: al-Maktab al-Islāmiy.
- Muslim al-Hajjaj. (t.t). Al-Musnad al-Ṣahīh al-Mukhtaṣar bi Naql 'Adl min 'Adl ilā Rasūlillāh ﷺ -Ṣahīh Muslim-. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Omar, N. (2021). Cabaran Dalam Pengendalian Pembelajaran Dan Pengajaran Fardu Ain Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran Di Malaysia: Challenges in Teaching and Learning of Fardhu Ain Classes for the Deaf in Malaysia. Sains Insani, 6(3).
- Omar, R., Peng, W. S., Ishak, W. S., Saat, N. Z. M., & Knight, V. F. (2019). Profile and Quality of Life of Children with Dual Sensory Impairment or Deafblindness in Visually Impaired Special Centres. Jurnal Sains Kesihatan Malaysia, 17(2), 157-163.
- Al-Qurtubi, Muhammad. (1964). Al-Jāmi' Li Ahkām al-Qurān. Cet. 2. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah. 1/321.
- Al-Ramli, Syahabuddin. (2009). Fath al-Rahmān bi Syarḥ Zubad Ibn Arsālan. Jeddah: Dar al-Minhaj.

- Al-Ramli, Syamsuddin. (1984). *Nihāyat al-Muhtāj ila Syarḥ al-Minhāj ma'a ḥāsyiat al-Syubramallisiy wa ḥāsyiat al-Rasyīdiy*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Saadi, A. Hakeem. (2020). The Comprehension Obstruction and Their Impact on the Obligations (*Awārid al-Fahm wa Atharuhā 'alā al-Taklīf*). *Journal of al-Maarif University College*. 30(1). 10 – 35.
- Al-Sarkhasi, Muhammad. (1993). *Al-Mabsūt*. Beirut: Dār al-Ma'rifat.
- SPA Kedah, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. (t.t). Kategori Orang Kurang Upaya (OKU). Diakses pada Julai 2022, daripada: <https://spa.kedah.gov.my/kategori-orang-kurang-upaya-oku/>
- Al-Subki, Tāj al-Dīn. (1999). *Man' al-Mawāni' 'an Jam' al-Jawāmi' fī Usūl al-Fiqh*. Dār al-Basyāir al-Islāmiyyat.
- Al-Sulami, Omar. (2018). *Aḥkām Ṣawm wa Hajj al-Mu'āq fī al-Fiqh al-Islāmi*. Mina University: Majallat al-Dirāsat al-'Arabiyyat. 37(2). 847-886.
- Al-Syārikh, M., Hariz, A. M. (2019). *Mafhūm al-I'āqat al-'Aqliyyat wa Atharuhu fī al-Taklīf al-Syar'iyy*. Majallat al-Jāmi'at al-Islāmiyyat li al-Dirāsat al-Syar'iyyat wa al-Qānūniyyat, *Journal of the Islamic University of Sharia and Legal Studies*. 27(3). 165 – 183.
- Al-Syarawāni, A. Hamīd. (1983). *Tuhfat al-Muhtāj fi Syarḥ al-Minhāj wa ḥawāsyī al-Syarawāniy wa al-'Abbādiy*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabiyy.
- Al-Sya'rawi, M. (1997). *Tafsīr al-Sya'rawiy*. Kaherah: Maṭābi' Akhbār al-Yaum.
- Al-Syirbīni, al-Khatīb. (1994). *Mughniy al-Muhtāj Ilā Ma'rifat Ma'anīy Alfāz al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Wahid, P. R. A. (2008). Bahasa Reseptif Dan Bahasa Ekspresif Dalam Komunikasi Verbal: Pemelajaran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Sindrom Down: Receptive And Expressive Language In Verbal Communication: Malay Language Acquisition Among Down Syndrom Children. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 19(1), 143-166.
- Yin, L. C., Yasin, M. H. M., & Tahar, M. M. (2016). Genggaman pensel kanak-kanak bermasalah pembelajaran dalam meningkatkan kemahiran menulis. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 65-77.

Al-Zarkasyi, Badr al-Dīn. (1994). Al-Baḥr al-Muhiṭ fī Usūl al-Fiqh. Beirut: Dār al-Kutubi.

Zaydān, A. Karim. (t.t). Al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh. Cet. 6. Kaherah: Muassasah Qurṭubah.

Al-Zuhayli, Wahbah. (1985). Al-Fiqh al-Islāmiy wa Adillatuh. Cet. 2. Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Zuhayli, Wahbah. (2006). Al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh al-Islāmiy. Cet. 2. Damsyik: Dar al-Khair.

Al- Zuraiqāt, Ibrahim. (2004). Autism Characteristics and Treatment (*Al-Tawahhud: al-Khaṣāṣ wa al-'Ilāj*). Amman: Dār Wā'il.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini